

Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **1 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Gilmour terus pamer kehebatan**

Gilmour terus pamer kehebatan

Oleh Hamid Salleh

PST yang dikemudinya ke suku akhir dan jadi pilihan juarai Piala Monsun

SEPERTI diduga, pasukan PST terus mengguguli peringkat saringan untuk mengetuai tujuh pasukan lain mara ke suku akhir kejohanan kapal layar Piala Monsun di Teluk Warisan, Pulau Duyong, Kuala Terengganu, petang semalam.

PST yang dikemudi Datuk Peter Gilmour ternyata hebat apabila berjaya mengumpul 9.5 mata untuk menduduki tangga teratas.

Pasukan lain yang mara adalah Blackmatch Racing, Mirsky Racing, Saba Sailing, Radich Sailing, Pindar, Apport.Net dan Shosholoza.

Gilmour yang juga penasihat Piala Monsun dijangka tidak menghadapi sebarang masalah dalam kejohanan musim ini untuk merebut semula kejuaraan Piala Monsun yang dimenangi musim 2005.

"Saya sudah melakukan yang terbaik untuk memastikan tempat ke suku akhir dan akan bertemu dengan Blackmatch Racing dikemudi Adam Minoprio," katanya.

Mengenai lawannya di suku akhir, Gilmour yakin mampu menewaskan pasukan itu.

Sementara itu, Minoprio mengakui pasukannya terpaksa menghadapi lawan yang lebih hebat tetapi akan berusaha menyekat PST.

Mirsky Racing dari Australia yang dikemudi Torvar Mirsky akan bertemu dengan Apport.Net manakala Saba Sailing pula berdepan dengan pasukan Shosholoza.

Ketua jurumudi Saba Sailing, Mathieu Richard turut yakin pasukannya mampu mara ke separuh akhir untuk mengulangi pencapaian musim lalu.